合力

精通全技能

跟着课文走

综合练习

Latihan Mahir Integrasi Berdasarkan Buku Teks

马来文

Bahasa Melayu

根据UASA格式编写

附归纳式评估

Pentaksiran Sumatif

6上

HOTs KBAT 高阶思维技能

KSSR SEMAKAN

LIVEWORKSHEETS

C Tatabahasa

Unit 4

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh objek yang terdiri daripada frasa nama sebagai predikat dalam ayat.

Contoh Ali menendang bola di padang.

Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut kerana sudah sempurna maknanya dengan tidak memerlukan objek dan boleh berdiri sendiri dalam ayat.

Contoh Anita sedang berjalan di taman permainan.

Isikan tempat kosong dengan kata kerja yang **paling sesuai.** 5.1.2

memancing	mengejar	melawan	mencuci	terdiri
mengumpulkan	terperanjat	mandi	berkeliaran	

1 Jing Yin sedang _____ kasut sekolahnya di halaman rumah.

2 Kami _____ apabila petir menyambar dengan kuat di langit.

3 Polis _____ suspek yang melarikan diri dari tempat kejadian.

4 Suraya _____ buku-buku lama untuk dihantar ke pusat kitar semula.

5 Aisyah _____ sebaik-baik sahaja pulang dari sekolah.

6 Pasukan bola sepak negara _____ daripada pemain-pemain muda yang berbakat.

7 Bin Wei _____ ikan di tepi sungai bersama-sama ayahnya.

Rakyat bersatu _____ wabak penyakit ini dengan pematuhan kepada arahan kesihatan.

LIVEWORKSHEETS

D Pemahaman

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

2.1.1 TP 1 2 3 4 5 6

Demam denggi ialah sejenis penyakit bawaan nyamuk yang sangat berbahaya. Terdapat pelbagai cara untuk membasmi pembiakan nyamuk Aedes.

Antara caranya ialah memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti menanam tayar-tayar buruk, botol-botol kosong dan tin-tin kosong bagi mengelakkan air bertakung dan nyamuk Aedes bertelur. Selain itu, kita hendaklah memastikan supaya alas pasu bunga tidak menakung air bagi mengelakkan jentik-jentik membiak. Seterusnya, semburan kabut boleh dilakukan oleh pegawai kesihatan di kawasan pembiakan nyamuk Aedes.

Kesimpulannya, nyamuk Aedes sangat berbahaya kepada kesihatan kita malahan, nyamuk Aedes boleh membawa maut. Justeru, marilah kita bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes dan seterusnya membasmi demam denggi.

1 Apakah yang perlu dilakukan jika di rumah ada tayar-tayar buruk?
   - **A** menanam tayar-tayar itu
   - **B** membakar tayar-tayar itu
   - **C** menghantar ke pusat kitar semula
   - **D** membiarkan sahaja di halaman rumah

2 Mengapakah kita perlu memastikan alas pasu bunga tiada air bertakung?
   - **A** Mengelakkan jentik-jentik membiak.
   - **B** Supaya pasu bunga hidup subur.
   - **C** Supaya alas itu bersih.
   - **D** Agar tiada haiwan di situ.

3 Berikut adalah antara cara mengatasi pembiakan nyamuk Aedes *kecuali*
   - **A** menanam tin-tin kosong.
   - **B** menanam tayar-tayar buruk.
   - **C** menanam botol-botol kosong.
   - **D** menanam pelbagai jenis pokok bunga.

LIVEWORKSHEETS

E Karangan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau tidak berformat.**

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan.**

3.3.1 TP I 2 3 4 5 6

CARA-CARA MENJAGA KESIHATAN DIRI

LIVEWORKSHEETS